



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 7/2022**

**PENETAPAN KADAR BAYARAN PAJAKAN TANAH RIZAB PADANG RAGUT DI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS BAGI PENGUSAHA INDIVIDU**

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penetapan kadar bayaran pajakan tanah rizab padang ragut di Negeri Sembilan bagi pengusaha individu.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus pada 23 Februari 2022 telah mengambil keputusan bersetuju supaya kadar bayaran pajakan tanah rizab padang ragut ditetapkan pada kadar RM 1,500.00 sehektar setahun bagi permohonan daripada pengusaha individu.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Kadar bayaran pajakan tanah rizab padang ragut ditetapkan pada kadar **RM 1,500.00 sehektar setahun** bagi permohonan daripada **pengusaha individu**.

3.2. Manakala bagi **pengusaha selain individu**, kadar bayaran pajakan rizab padang ragut kekal mengikut **100% nilai** yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

4. **Kuatuasa**

4.1. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTGNS Bil 6/2014.

4.2. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 5/4/2022

Rujukan : Bil (73) dlm. PTGNS.10/17 klt.3